

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI
[DUNGUN]**

TARIKH : 6.3.2018 (SELASA)

SOALAN :

Tuan Haji Wan Hassan Bin Mohd Ramli [Dungun] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah pelaksanaan sistem penghapusan penggredan kelas di sekolah telah dikaji secara mendalam bersama kesatuan dan persatuan guru-guru.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Cadangan pemansuhan pengasingan kelas mengikut tahap penguasaan akademik murid masih di peringkat kajian dan mengumpulkan pandangan awam. Pada masa ini, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berusaha mewujudkan iklim pembelajaran yang positif di bilik darjah berteraskan pemupukan nilai berbentuk sejagat bagi menyediakan murid menghadapi cabaran global. Manakala, penempatan murid dalam kelas yang tidak mengikut tahap penguasaan akademik murid bertepatan dengan konsep PAK21 dan PBS yang sedang dilaksanakan di sekolah-sekolah. Ia memberi peluang kepada murid untuk bekerjasama, membina sikap keterbukaan, toleransi, serta sikap ingin membantu dalam kalangan murid yang berbeza keupayaan.